

Dr. Mahathir  
 KUALA LUMPUR 23  
 24 MAR 1971

Mach — Dr. Mahathir bin Mohd Iskandar, 46 tahun, hari ini menolak penchalunan beliau sebagai Yang di-Pertua MAYC Kebangsaan seperti yang di-chadangkan oleh beberapa Chawangan2 MAYC Negeri2.

Beliau berpendapat, adalah lebih berfaedah bagi pergerakan beliau, jika jawatan penting itu dipegang oleh sa-orang muda, kerana ia sudah tentu akan dapat menumpukan masa-nya kepada MAYC.

Ketika di-hubongi di-kilik-nya di-Alor Setar hari ini, Doktor Mahathir menyatakan bahawa beliau terpaksa menolak penchalunan itu kerana beberapa sebab, "walau pun dengan hati yang berat."

Kata-nya, beliau tidak membunyai masa yang penoh untuk mengendalikan urusan sa-bagai yang di-pertua pertubohan beliau itu.

"Lagi pun umur sava sudah 46 tahun, elok-lah orang yang lebih muda memegang jawatan tersebut," tegas beliau.

Walau bagaimana pun beliau, tetap akan memegang jawatan-nya sa-bagai Pengerusi Sharikat Amanah Beliau sekarang ini, itu pun kalau tenaga beliau maseh di-perlukan lagi.

Beliau menguchapkan terima kaseh atas ingatan chawangan2 MAYC Negeri yang menchalunkan nama beliau sa-bagai Yang di-Pertua MAYC.

Antara chawangan2 itu ialah MAYC Negeri Pahang yang menganggap bahawa Doktor Mahathir ialah chalun yang paling layak menggantikan Tengku Abdullah ibni Almahrom Tuan Abdul Rahman yang akan bersara nanti.